

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/07/04 – 83

### KAUNTER PERKHIDMATAN LHDNM DI SEMUA KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DITUTUP SEMENTARA

Selaras dengan pengumuman Kerajaan mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di seluruh Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa **semua kaunter Perkhidmatan Percukaian, Kaunter Duti Setem dan Kaunter Bantuan Khas Kerajaan yang berada di kawasan-kawasan terlibat dengan PKPD akan ditutup sementara mulai Isnin, 5 Julai 2021.**

Sehubungan itu, semua janji temu pelanggan yang telah diluluskan melalui sistem e-Janji Temu untuk hadir ke kaunter-kaunter berkenaan adalah **dibatalkan** dan pelanggan perlu membuat permohonan janji temu yang baharu setelah kaunter dibuka semula.

Namun demikian, Kaunter Pusat Bayaran akan tetap beroperasi dengan perkhidmatan dan waktu operasi yang terhad seperti berikut:

Perkhidmatan	Waktu Operasi
Bayaran Tunai dan Cek: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai Pegangan;</li> <li>• Seniman Kembara;</li> <li>• Cukai Keuntungan Harta Tanah Oleh Penerima;</li> <li>• Kompaun.</li> </ul> Bayaran Menggunakan Kad Kredit dan Kad Debit: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai Pendapatan dan Lain-lain Cukai.</li> </ul>	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perkhidmatan Lain	Secara dalam talian sahaja

Dalam tempoh PKPD ini juga perkhidmatan telefon dan HASiL Live Chat akan beroperasi seperti biasa bagi membantu pelanggan khususnya pembayar cukai dalam urusan percukaian mereka. Waktu operasi perkhidmatan telefon dan HASiL Live Chat adalah seperti berikut:

Premis / Perkhidmatan	Waktu Operasi	
Hasil Care Line	Talian Khidmat Percukaian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara) & Talian Hotline BPR 1800-88-2747	9.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)
	HASiL Live Chat	9.00 pagi - 5.00 petang (Isnin - Jumaat)
Talian Telefon Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan	Ditutup Sementara	



Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:  
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 04 Julai 2021**



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3